

30 OCT 2001

ACADEMY-ANUGERAH

THE ONE ACADEMY MENANG ANUGERAH PROJEK MULTIMEDIA KREATIF

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kumpulan The One Academy telah memenangi anugerah projek pembangunan multimedia kreatif negara yang dilancarkan pada 15 Okt, 2000 oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

Anggota-anggota kumpulan itu ialah Lui Man Wai, Tey Teng Chuan, Yap Hon Wui dan Chuah Cheng Kim - semuanya pelajar dari unit-unit pengajian khusus Pengiklanan & Rekabentuk Grafik, pengajian khusus Animasi Digital dan pengajian khusus Multimedia, The One Academy.

"Rasa tak percaya kami akan terbang ke Sepanyol dan menemui pegawai-pegawai kanan kerajaan. Ini adalah projek alam nyata dan pengalaman yang kami perolehi daripadanya tidak ternilai," kata Lui dalam satu kenyataan hari ini.

Lui berkata, kumpulan itu menghasilkan cadangan CD-ROM mengenai cara-cara memperkenalkan Sepanyol sebagai peluang pelaburan. Kumpulan itu mengambil masa hanya selama lima hari untuk menyiapkan cadangan bertulis dan penyampaian.

"Walaupun masanya singkat, tetapi kami berjaya menyiapkan cadangan itu kerana kami bekerja sebagai satu pasukan. Akhirnya, kami memenangi pertandingan itu," kata Tey.

Projek tersebut akan dihadiahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad oleh kerajaan Sepanyol pada bulan Februari 2002. Dengannya, kerajaan Sepanyol berharap dapat menarik rakyat Malaysia untuk melabur di Sepanyol.

Projek Pembangunan Multimedia Kreatif Negara diadakan khusus untuk memupuk dan memajukan penerimaan pakai dan menggalakkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Projek ini adalah di bawah naungan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia melalui Program Jangkauan Pendidikan IT Negara.

Ia dianjurkan dan diselaraskan bersama oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Asia News Broadcasting. -- BERNAMA

FAY SEL KY OS